



NOH OMAR, Halimah Mohamed Sadique (kiri), Maimunah Shariff dan Mohammad Mantek (kanan) selepas majlis Pelancaran WUF9 Setem Ku di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

WUF9 Setem Ku dilancar

PUTRAJAYA 6 Feb. - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melancarkan setem kenangan sempena Persidangan Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF9 Setem Ku) yang berlangsung esok sehingga 13 Februari ini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, secara simboliknya WUF9 Setem Ku menghubungkan semua bandar di seluruh dunia dalam sebuah platform untuk bertukar-tukar pendapat, ilmu dan pandangan.

"WUF9 kali ini mencatat

rekod tersendiri yang mana penglibatan para pesertanya adalah yang tertinggi dalam sejarah penganjurannya iaitu 30,000 orang dari 192 negara.

"Lebih 70 menteri dan 20 timbalan menteri juga telah mendaftar untuk mengambil bahagian dalam 500 sesi perbincangan selama seminggu WUF9 diadakan," katanya ketika berucap dalam majlis Pelancaran WUF9 Setem Ku di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Mo-

hammad Mantek dan Pengarah Eksekutif UN-Habitat, Datuk Maimunah Shariff.

Setem keluaran terhad itu telah dicetak sebanyak 5,000 keping oleh Pos Malaysia dengan menggunakan bingkai asas ilusi, dijual pada harga 60 sen dan boleh dapati di kaunter menjual barangan WUF9 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Malaysia menjadi tuan rumah kesembilan dan negara kedua di Asia selepas Nanjing, China yang menganjurkannya pada 2008.